

Selasa – 1 Disember 2020

Halaman : 17



NORIATI mengajar anaknya membaca di rumah mereka di Kampung Tendrik, Pos Bihai, Gua Musang semalam.

## Ramai anak Orang Asli tiada gajet

**GUA MUSANG** — Kebanyakan anak Orang Asli di pos pedalaman daerah ini tidak mempunyai kemudahan gajet seperti telefon atau komputer untuk belajar dalam talian.

Penghulu Pos Bihai, Alang Segan berkata, kedudukan kampung Orang Asli yang terletak di kawasan luar bandar menyebabkan wujud masalah kepada pelajar apabila kurang mendapat capaian internet.

Katanya, masalah itu menyukarkan urusan pembelajaran dalam talian serta perhubungan komunikasi dengan dunia luar.

“Lebih malang lagi apabila kebanyakan ibu bapa Orang Asli tidak berkemampuan dalam me-

nyediakan kemudahan gajet untuk anak mereka.

“Masyarakat Orang Asli lebih menumpukan keperluan membeli barang makanan ketika menghadapi kesukaran berdepan ancaman pandemik Covid-19 ini,” katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Bagi mengantikan kaedah pembelajaran dalam talian ketika ini, terdapat segelintir ibu bapa yang mempunyai kemahiran menulis dan membaca menjadi guru interim kepada anak mereka.

Seorang suri rumah di Kampung Tendrik, Pos Bihai, Noriati Asod, 24, berkata, ketika penularan wabak Covid-19, keluarganya

lebih kepada berjimat makanan asas di rumah.

Katanya, dia bersyukur apabila mempunyai kemahiran membaca dan dapat mengajar anak serta anak saudaranya di rumah.

“Sejak kebelakangan ini saya lihat pendidikan anak-anak Orang Asli, khususnya di tempat saya memang tidak dapat perhatian daripada pelajar itu sendiri.

“Cuti panjang akibat Covid-19 sebabkan mereka lebih suka bermain dan leka,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Mohd. Syahbuddin Hashim berkata, kemudahan jalur lebar dan telefon di kawasan pedalaman masih di tahap lemah.